

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF
RAWA [PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 16 JULAI 2020

SOALAN

DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan formula yang digariskan Kerajaan dalam menangani gejala ethnocentric dalam politik dan ekonomi Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Kementerian Perpaduan Negara sentiasa berusaha mengambil langkah strategik untuk memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Kementerian Perpaduan Negara telah merencanakan beberapa usaha, antaranya adalah seperti berikut :

- a) Melaksanakan perancangan inisiatif dan strategi di bawah Pelan Tindakan Perpaduan Negara (PTPN) 2.0.
- b) Membangunkan Indeks Perpaduan Nasional 2.0 untuk menggambarkan tahap perpaduan masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.
- c) Menubuhkan Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Kanan Kluster Sosial.

Fungsi MPPN:

- bertanggungjawab menasihati Kerajaan dalam hal-ehwal perpaduan
 - membincangkan isu-isu perpaduan serta usaha-usaha penyatuan nasional (*national reconciliation*) dari pelbagai sudut
 - mencadangkan kaedah penyelesaian terbaik kepada Kerajaan untuk menangani isu dan cabaran perpaduan.
- d) Menubuhkan dua Jawatankuasa bagi menyokong MPPN:
 - Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara (JKPPN); dan
 - Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri (JKTPN).
 - e) Melaksanakan Pendidikan Rukun Negara dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi.

- f) Memperkasakan Kelab Rukun Negara di 6,621 buah sekolah dari 10,220 sekolah seluruh negara.
- g) Memperkasakan 172 Sekretariat Rukun Negara di IPT.
- h) Memperkasakan 1,781 Tabika Perpaduan.
- i) Melaksanakan Modul Silang Budaya.
- j) Memperkasakan kepimpinan lebih 8,000 Jawatankuasa Rukun Tetangga.
- k) Memperkasakan khidmat 400 Mediator Komuniti.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan yakin dan percaya bahawa pelbagai usaha yang telah dan akan dilaksanakan untuk menangani isu yang menyentuh kaum, agama, politik dan ekonomi termasuk gejala *ethnocentric* merupakan satu perjuangan berterusan memelihara dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.

Sekian, terima kasih.